



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives



SIARAN MEDIA

MEDAC BERSAMA AGENSINYA UDA, SKM, SME CORP, TEKUN DAN BANK RAKYAT MENYEBARKAN MANFAAT HAMPIR RM3 JUTA BUAT USAHAWAN DI NEGERI SEMBILAN

JELEBU, 22 Februari 2021 - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yakin dapat mewujudkan satu ekosistem keusahawanan yang kondusif di Jelebu menerusi pembinaan kedai koperasi yang bakal dibangunkan oleh UDA Holdings Berhad (UDA), syarikat pemaju hartanah dan pengurusan aset, sebuah agensi di bawah MEDAC.

UDA dilantik sebagai *'turnkey developer'* bagi membangunkan projek di atas tanah milik Koperasi Kakitangan Kerajaan Daerah Jelebu Berhad di Kuala Klawang.

Projek 4 lot rumah kedai 2 tingkat yang bakal diberi nama UDA Niaga ini dibina di atas tanah berkeluasan 0.17 ekar milik koperasi terbabit dan dijangka mengambil masa 8 bulan untuk disiapkan. Anggaran Kos Pembangunan Kasar (GDC) sebanyak RM1.7 juta dengan menggunakan geran yang disediakan oleh kerajaan bagi menguruskan serta membangunkan projek yang kemudiannya akan diserahkan kepada pemilik tanah setelah ia siap dibina. Projek pembinaan kedai koperasi ini bakal menjadi pemangkin (*catalytic project*) dalam menjana ekonomi setempat.

Menurut Menteri di MEDAC Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, "UDA Niaga yang menawarkan 4 lot rumah kedai 2 tingkat itu dijangka berpotensi dijadikan sebagai *'one-stop centre'* untuk usahawan di kawasan tersebut. Ia juga mungkin boleh menjadi Pusat Sehenti untuk agensi-agensi di bawah MEDAC seterusnya memudahkan penduduk tempatan mendapatkan

maklumat berkaitan insentif serta program keusahawanan yang disediakan oleh MEDAC”.

Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, “UDA Niaga yang berdekatan dengan sekolah-sekolah, pejabat-pejabat kerajaan dan juga terletak di tengah-tengah bandar Kuala Klawang ini akan memberi manfaat kepada komuniti. Ia juga merupakan salah satu usaha produktif oleh pihak koperasi bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan di kalangan ahli koperasi, usahawan dan juga masyarakat setempat. Pihak kementerian berharap inisiatif ini juga menjadi contoh dalam menggalakkan semangat keusahawanan di kawasan tersebut serta koperasi-koperasi yang lain”.

Yang Berhormat Datuk Seri Jalaluddin Alias, Pengerusi UDA pula berkata, “UDA sebelum ini telah membangunkan 168 unit kedai seperti UDA Niaga (dahulunya dikenali sebagai Kedai Desa) di 16 tapak di seluruh negara dengan dana pembangunan yang diberikan oleh pihak kerajaan.

“UDA diberi tanggungjawab oleh kerajaan untuk membangunkan UDA Niaga di seluruh negara antaranya di Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Projek UDA Niaga ini lebih tertumpu pada pembangunan lot kedai di atas tanah milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penduduk setempat akan menerima manfaat daripada pembangunan tersebut. UDA Niaga yang telah siap dibina oleh UDA kemudiannya diserahkan kepada pihak PBT selaku pemilik tanah untuk pengisian peniaga atau usahawan tempatan”.

“Pelaksanaan projek ini dapat mendukung hasrat kerajaan dalam meningkatkan pembabitan masyarakat khususnya golongan Bumiputera dalam sektor perniagaan. Selain itu, projek UDA Niaga turut membuka peluang kepada kontraktor dan perunding tempatan mendapat kerja-kerja pembinaan. Usaha ini juga selari dengan misi dan visi UDA iaitu memperkasa gaya hidup lestari,” kata beliau.

Pada majlis yang sama, Dr. Haji Wan Junaidi turut berkesempatan menyampaikan ‘*mock cheque*’ kepada 13 buah koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi Pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM

(TMP-SKM) dan Dana Bantuan Pembangunan SKM kepada koperasi setempat dengan jumlah keseluruhan RM444,360. Insentif daripada SKM ini diharap dapat mempergiatkan lagi aktiviti serta program koperasi seterusnya melonjakkan ekonomi tempatan.

Bagi Pembiayaan TMP-SKM, penerima terdiri daripada Koperasi Keluarga Haji Abdul Latif Seremban Berhad, Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad dan Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad. Manakala Dana Bantuan Pembangunan SKM diberikan kepada Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Undang Haji Adnan Kota Rembau Berhad, Koperasi Wanita Wawasan Negeri Sembilan Berhad, Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Juasseh Kuala Pilah Berhad, Koperasi Wanita FELDA Sungai Lui Negeri Sembilan Berhad, Koperasi Homestay Klawang Berhad, Koperasi Kemajuan Tanah Sungai Buluh Negeri Sembilan Berhad, Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Gugusan Lakai Berhad, Koperasi FELDA Pasoh Satu Negeri Sembilan Berhad, Koperasi FELDA Pasoh Tiga Negeri Sembilan Berhad dan Koperasi Kakitangan Kerajaan Daerah Jelebu Berhad.

Tambah Dr. Haji Wan Junaidi, “Pihak kementerian juga berbangga dengan kolaborasi antara Koperasi dan UDA dalam mempergiat program keusahawan. Semoga usaha sama ini menjadi model untuk agensi dan syarikat lain agar dapat menggembelng tenaga dalam mengembangkan lebih banyak program keusahawanan demi melonjakkan ekonomi,” kata beliau.

Dr. Haji Wan Junaidi turut berkesempatan meluangkan masa ke Program Penyerahan Bantuan Perniagaan Kepada Usahawan dan Masyarakat di Jelebu selepas majlis pecah tanah tersebut. Pelbagai sumbangan disalurkan kepada usahawan dan komuniti tempatan menerusi agensi di bawah MEDAC seperti SME Corporation Malaysia (SME Corp), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) dan Bank Rakyat. Sumbangan meliputi Bantuan Usahawan Niaga SME Corp (6 penerima) dengan jumlah keseluruhan RM302,405 membabitkan 3 penerima daripada kategori Beep iaitu Aa Bza Richer Sdn Bhd, Petro Mart Sdn Bhd dan Faiza Marketing Sdn Bhd. Manakala

3 lagi daripada kategori Tube 7.0 terdiri daripada Bielzwar Empire, Zeraz Digital Studio dan Aimanfaz Enterprise.

TEKUN turut menyumbang bantuan Pembiayaan Perniagaan TEKUN Nasional berjumlah RM374,000 kepada 20 orang usahawan TEKUN Nasional sekitar Jelevu. Pada program yang sama, pihak Bank Rakyat berbesar hati menyalurkan sumbangan berjumlah RM140,000 kepada masyarakat sekitar. Sumbangan membabitkan Bantuan Banjir kepada 50 penerima yang terjejas semasa banjir, Bantuan Sumbangan Wabak Covid-19 khusus untuk pesakit Covid-19 serta komuniti terjejas berikutan PKP (250 penerima) dan Bantuan Kembali ke Sekolah untuk pelajar B40 (350 penerima). Kesemua bantuan diserahkan kepada wakil penerima atau kawasan berkaitan. Jumlah keseluruhan bantuan daripada SKM, SME Corp, TEKUN dan Bank Rakyat melebihi RM1 juta.

Pada majlis yang sama, UDA turut melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) - UDA Cares Enriching Life dengan menyalurkan sumbangan zakat berjumlah RM10,000 berupa motosikal, gerabak mini tarik dan wang tunai. Penerima ialah Encik Hamzah bin Yaakob dan sekeluarga dari Kampung Sepri Tengah, Kuala Klawang. Encik Hamzah bekerja kampung dengan pendapatan bulanan sebanyak RM250 dan mempunyai 4 tanggungan termasuk isteri yang menghadapi penyakit sawan kronik dan kencing manis. Pasangan itu juga mempunyai 3 orang anak Orang Kurang Upaya (OKU).

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI